

Kementerian diminta anjur kursus dalaman jimat kos

» Langkah proaktif bantu penjawat awam tingkat khidmat

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian dan agensi kerajaan diminta menganjurkan kursus secara dalaman bagi penjawat awam selepas dasar berkursus tujuh hari setahun ditangguhkan berkuat kuasa 29 Februari lalu sebagai antara langkah penjimatan kerajaan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata walaupun kursus itu tidak akan diambil kira sebagai Penunjuk Prestasi Utama (KPI), ia penting untuk pembangunan minda dan pengalaman kepada penjawat awam bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mereka.

"Penjimatan (perbelanjaan kerajaan) boleh dibuat melalui (penangguhan) kursus yang dibuat dalam dan luar negeri kerana memakan kos yang tinggi, namun ketua agensi boleh ambil langkah proaktif de-



Ali menyampaikan Anugerah Felo INTAN 2016 kepada Sulaiman (kanan) pada majlis Istiadat Penganugerahan Diploma Pengurusan Awam dan Felo INTAN 2016 di Putrajaya, semalam. Yang turut hadir, Mohamad Zabidi (kiri).

[FOTO BERNAMA]

ngan mengadakan latihan di kementerian sendiri.

Pilih pendekatan NBOS

"Sebagai alternatif, mereka boleh memilih pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan menganjurkan kursus bersama kementerian lain pada kos yang paling rendah. Kursus ini tidak akan memberi kesan kepada KPI, namun kita galakkan penjawat awam menghadiri kursus ini dan akan dimasukkan dalam laporan penilaian bagi penambahbaikan.

"Penangguhan kursus ini hanya dibuat bagi tahun 2016 dan akan dilihat semula bagi 2017," katanya selepas majlis Istiadat Penganugerahan Diploma Pengurusan Awam (DPA) dan Felo Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan Pengarah INTAN, Datuk Dr Mazlan Yusoff.

Pada majlis itu, seramai 789 graduan ditauliahkan DPA,

termasuk peserta yang tamat kursus DPA dan Kursus Kadet Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD). Bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Felo INTAN Ke-27.

Dalam pada itu, Ali berkata, pengambilan kira-kira 25,000 penjawat awam baharu setahun akan tetap diteruskan bagi menggantikan kakitangan awam yang bersara, namun ia tidak akan memabatkan perjawatan baharu.